



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN TILAWAH AL-QURAN HAFAZAN, AZAN DAN QASIDAH PIALA YB MENTERI KPKT TAHUN 2022



**PUTRAJAYA, 20 APRIL 2022** - YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada hari ini telah merasmikan Majlis Penutupan Pertandingan Tilawah Al-Quran, Hafazan, Azan dan Qasidah Piala YB Menteri KPKT, anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan kerjasama Biro Kebajikan dan Kebudayaan, Majlis Sukan Kebajikan dan Kebudayaan (MASKAB) bertempat di Ibu Pejabat, JBPM Putrajaya.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menyatakan bahawa penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran, Hafazan, Azan dan Qasidah bukan sekadar untuk memperdengarkan kemerduan atau kelunukan suara para peserta, tetapi apa yang lebih penting adalah maksud dan pengertian setiap bacaan tersebut mampu dihayati oleh pembacanya dan mereka yang mendengar.

Beliau turut menyatakan bahawa penghayatan kepada kandungan ayat suci al-Quran diharapkan dapat memberi inspirasi dan galakan untuk warga Bomba untuk lebih berusaha mendekatkan diri pada Ilahi dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas hakiki sehari-hari.

YB Dato' Sri Reezal Merican juga menyambut baik usaha yang dijalankan JBPM dengan melaksanakan program Ihya Ramadan seperti ini dalam usaha mencungkil bakat serta memupuk penghayatan nilai-nilai murni sekaligus melahirkan huffaz Al-Quran dari kalangan warga KPKT yang dapat meningkatkan imej kementerian.

'CEPAT DAN MESRA'



Untuk rekod, Pertandingan Tilawah al-Quran, Hafazan, Azan dan Qasidah anjuran JBPM merupakan acara tahunan yang telah dianjurkan sejak tahun 2013 dan merupakan tahun kedua penganjuran melibatkan agensi-agensi di bawah KPKT dengan penjenamaan semula kepada Pertandingan Tilawah Al-Quran, Hafazan, dan Azan Piala YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pertandingan peringkat saringan Tilawah al-Quran, Hafazan, Azan dan Qasidah Piala YB Menteri KPKT telah dilaksanakan secara atas talian bermula pada 11 April sehingga 15 April 2022.

Sebanyak 102 penyertaan iaitu 28 penyertaan Azan, 22 penyertaan Tilawah Al-Quran lelaki, 10 penyertaan Tilawah Al-Quran Wanita, 6 penyertaan kategori junior, 15 penyertaan Hafazan Lelaki, 9 penyertaan Hafazan Wanita dan 12 penyertaan Kumpulan Qasidah. **Turut dipertandingkan kategori reka bentuk astaka terbaik yang menawarkan hadiah sebanyak RM600.00 keseluruhan. Juara Keseluruhan akan membawa pulang piala pusingan.**

Pada tahun ini pihak pengajur telah menerima 10 penyertaan daripada agensi di bawah KPKT iaitu daripada SWCorp, PlanMalaysia, Jabatan Perumahan Negara dan iKPKT. 21 penyertaan telah berjaya memasuki pertandingan akhir yang dilangsungkan 20 April 2022 (Rabu) yang melibatkan tiga penyertaan bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Secara keseluruhan hadiah wang tunai sebanyak **RM21,600.00**, Piala Pusingan YB Menteri KPKT, Piala YBTM KPKT, Piala KSU KPKT dan Piala KP JBPM, hadiah iringan beserta sijil ditawarkan kepada pemenang serta peserta yang menyertai kesemua tujuh kategori yang dianjurkan tahun ini.

Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
20 April 2022